



STEALTHING:

Rogol atau Serangan Seksual?

Oleh: Maisarah Mustaffa

Pada 25 Julai 2019, portal Malaysiakini telah melaporkan bahawa pada 20 Julai 2019, seorang wanita telah membuat satu laporan polis terhadap seorang lelaki warga asing yang bertindak membuang kondom sewaktu mereka sedang melakukan hubungan seks tanpa persetujuannya. Laporan tersebut dibuat kerana wanita tersebut berasa tertipu dan bimbang kemungkinan berlakunya jangkitan penyakit kelamin.

Laporan polis berkenaan telah tular di media sosial dan mendapat pelbagai reaksi masyarakat. Kebanyakannya mencemuh perbuatan pasangan terbabit yang melakukan hubungan seks tanpa ikatan yang sah dan tidak menganggap perbuatan lelaki tersebut adalah satu kesalahan mahupun jenayah kerana mengambil kira bahawa hubungan seks terse-

but sememangnya telah dipersetujui dari awal oleh kedua-dua pihak. Pihak polis pula telah membuat keputusan untuk memajukan laporan tersebut ke Jabatan Agama Islam Selangor untuk diambil tindakan dan siasatan lanjut kerana mengambilkira bahawa wanita tersebut beragama Islam.

Reaksi masyarakat dan juga tindakan pihak polis ini sebenarnya gagal memahami bahawa terdapat satu isu lain yang berbangkit berkaitan perbuatan lelaki warga asing itu yang dikenali sebagai *stealthing*.

Stealthing berasal daripada perkataan *stealth* yang bermaksud fakta bahawa seseorang melakukan sesuatu secara senyap atau rahsia. Maksud teknikal *stealthing* pula ialah tindakan membuang kondom semasa hubungan seks

“ Maksud teknikal *stealthing* ialah tindakan membuang kondom semasa hubungan seks tanpa persetujuan pasangan. Tindakan membuat lubang, merosakkan kondom dengan sengaja sehingga menyebabkan kebocoran air mani atau sengaja menggunakan kondom yang rosak sewaktu melakukan seks juga boleh terjumlah kepada *stealthing*”.



tanpa persetujuan pasangan. Tindakan membuat lubang, merosakkan kondom dengan sengaja sehingga menyebabkan kebocoran air mani atau sengaja menggunakan kondom yang rosak sewaktu melakukan seks juga boleh terjumlah kepada *stealthing*. Ia boleh dilakukan sama ada oleh wanita mahupun lelaki. *Stealthing* bukanlah satu perkara yang baru.

Di Amerika Syarikat terdapat komuniti lelaki yang mengamalkan *stealthing* sebagai satu kaedah campur tangan terhadap pasangan mereka dalam usaha untuk menggalakkan kehamilan atau lebih dikenali sebagai sabotaj kawalan kehamilan (*birth control sabotage*). Antara faktor *stealthing* jarang dibincangkan dan dipaparkan di media sosial mahupun akhbar ialah kerana kedudukannya di dalam undang-undang di kebanyakan negara seperti di Amerika Syarikat, India dan juga Malaysia adalah tidak jelas.

Sebagai contoh, setakat tahun 2020, masih belum ada lagi undang-undang negeri dan persekutuan di Amerika Syarikat yang menyatakan secara khusus berkenaan *stealthing*. Hal ini juga menyumbang kepada kurangnya laporan polis berkenaan *stealthing* dibuat oleh mangsa kerana mereka bingung dan tidak pasti sama ada ia merupakan satu jenayah atau tidak.

Stealthing mula mendapat perhatian antarabangsa pada tahun 2011 apabila terdapat satu kes di Sweden yang memutuskan *stealthi-*

ng adalah satu jenayah rogol. Dalam kes ini, defendan jelas mengetahui bahawa kerelaan melakukan seks yang diberikan plaintiff adalah dengan syarat defendan mestilah memakai kondom bagi mengelakkan risiko kehamilan dan penyakit kelamin. Namun, defendan telah melakukan seks tanpa memakai kondom terhadap plaintiff, sewaktu plaintiff sedang tidur.

Mahkamah pada awalnya berpihak kepada defendan dengan memutuskan bahawa seks yang dilakukan adalah dengan kerelaan plaintiff walaupun ketika itu plaintiff tidak sedarkan diri. Mahkamah mengambil kira maksud kerelaan dalam jenayah rogol di bawah Undang-Undang Inggeris yang menyatakan kerelaan yang disertakan dengan syarat tetap merupakan satu kerelaan mutlak dan seks tersebut bukanlah rogol walaupun defendan melanggar syarat tersebut.

Rayuan dibuat dan keputusan mahkamah memihak kepada plaintiff. Mahkamah menegaskan bahawa kerelaan dengan syarat dalam hubungan seks akan terbatal sekiranya syarat tersebut diingkari.

Pada tahun 2014 pula, satu kes di Kanada berkenaan *stealthing* telah dilaporkan di mana Mahkamah Tertinggi Kanada telah memutuskan *stealthing* merupakan satu jenayah serangan seksual dan bukanlah rogol kerana perbuatan seks itu sendiri telah mendapat kerelaan mangsa. Perbuatan khianat yang dilakukan defendan iaitu melubangkan kondom yang digunakan dengan niat untuk menghamilkan mangsa adalah satu penipuan yang terjumlah kepada serangan seksual.

Seterusnya pada tahun 2017, Mahkamah Rayuan di Switzerland pula telah memutuskan bahawa *stealthing* bukanlah satu perbuatan merogol tetapi ia adalah tindakan mencemarkan atau mengotorkan seseorang (*defilement*). Mahkamah mengekalkan hukuman sedia ada iaitu 12 bulan penjara tetapi menukar sabitan terhadap defendan daripada merogol kepada mencemarkan.

Merujuk kepada 3 contoh kes ini, jelaslah bahawa setiap negara mempunyai kayu ukur yang tersendiri dalam menentukan maksud dan kedudukan kesalahan *stealthing* di dalam undang-undang mereka.

Di Malaysia, masih tiada lagi kes pendakwaan dan keputusan kehakiman berkenaan *stealth* berjaya direkodkan. Peratusan laporan polis yang rendah dan juga kesamaran mengenai kedudukan *stealth* dalam perundangan negara kita menjadi faktor isu ini acap kali gagal untuk dibawa ke mahkamah untuk diadili.

Namun, terdapat beberapa pendapat yang cuba menjelaskan secara terperinci sama ada *stealth* terjumlah kepada jenayah rogol, serangan seksual ataupun kedua-duanya. Pendapat pertama adalah pandangan yang bersetuju mengatakan bahawa *stealth* adalah rogol dan serangan seksual dengan merujuk kepada konsep kerelaan di dalam jenayah rogol di Malaysia.

Kerelaan adalah persefahaman umum yang dibuat antara pasangan untuk menyetujui sesuatu. Ketika melakukan hubungan seksual, kerelaan tersebut harus jelas, tidak samar, dan tiada unsur tidak bebas seperti paksaan, tipu daya dan sebagainya. Orang yang memberikan kerelaan untuk melakukan hubungan seksual mestilah memiliki kemampuan untuk memberikan kerelaan dan juga berhak serta mampu untuk membatalkannya. Lebih penting lagi, kerelaan tersebut bolehlah bersyarat. Ini bermaksud apabila syarat-syarat yang dikenakan telah dimusnahkan, kerelaan akan dibatalkan dan ditolak.

Menurut **Seksyen 375(b) Kanun Keseksaan**, hubungan seksual tanpa kerelaan merupakan rogol. Di bawah **Seksyen 375(c)** pula, hubungan seksual dengan kerelaan masih boleh dianggap sebagai pemerkosaan jika kerelaan tersebut telah diperolehi dengan meletakkan mangsa dalam ketakutan akan kematian atau kecederaan, atau diperolehi di bawah salah fahaman fakta dan lelaki itu tahu atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa kerelaan diberikan adalah akibat salah fahaman tersebut.

Stealth jelas memenuhi kedua-dua bahagian tersebut. Apabila seorang lelaki menipu tentang fakta dia telah memakai kondom tetapi sebenarnya telah mensabotaj kondom tersebut atau dengan sengaja tidak memakainya sama ada sebelum, semasa dan sesudah hubungan seks, jelas menunjukkan bahawa dia telah memberikan satu tanggapan palsu kepada wanita tersebut.

Ini akan mengakibatkan berlakunya salah fahaman fakta oleh wanita tersebut yang berkemungkinan telah memberikan persetujuan dengan tanggapan palsu itu. Tambahan lagi, lelaki tersebut jelas tahu dan sedar sewaktu dia melakukan



perkara tersebut, tentunya persetujuan yang diperolehi adalah akibat dari salah tanggapan yang telah dia berikan. Keadaan ini adalah sangat wajar berada di bawah **Seksyen 375(c) Kanun Keseksaan**.

Walaupun agak sukar untuk membuktikan *stealth* merupakan rogol kerana hubungan seksual tersebut pada awalnya adalah atas dasar kerelaan, namun masih lagi boleh diujahkan bahawa kerelaan tersebut sudah terhapus atau ditarik semula oleh mangsa pada saat keadaan yang diberikan kerelaan tersebut terhapus.

Dalam kata mudah, sekiranya mangsa rela melakukan hubungan seksual dengan syarat adanya penggunaan kondom bagi mencegah risiko kehamilan dan penyakit kelamin, maka kerelaan tersebut akan dianggap terhapus serta merta pada saat lelaki tersebut mendedahkan mangsa kepada dua risiko yang ingin dielakkan, dengan cara membuang atau mensabotaj kondom tersebut.

Berbeza dengan pendapat kedua yang berpandangan tidak bersetuju bahawa *stealth* boleh dianggap satu pemerkosaan kerana melihat kepada tahap pembuktian niat bahawa lelaki itu

MAISARAH MUSTAFFA



[M maisarahmustaffa@uitm.edu.my](mailto:maisarahmustaffa@uitm.edu.my)

PROFIL

Maisarah merupakan seorang pensyarah sambil sepenuh masa di UITM Cawangan Negeri Sembilan.

Beliau dilahirkan di Muar, Johor pada 12 Mei 1994 dan kini menetap di Jempol, Negeri Sembilan.

Beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini, beliau menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana di universiti yang sama.

Selain bertugas sebagai seorang pensyarah dan pelajar, Maisarah juga adalah seorang pembantu penyelidik dalam bidang Undang-Undang Prosedur Jenayah di Malaysia.

Antara artikel penulisan yang dihasilkan oleh beliau adalah 'Undang-Undang dan Kaedah Mengawal Selia Amalan Radha'ah di Malaysia'.

Maisarah turut mempunyai cita-cita untuk memiliki kafe serta bentuk badan yang ideal.

Beliau juga akan memulakan kerjaya baru sebagai pensyarah undang-undang di Kolej Yayasan Pelajaran Johor.

Selamat maju jaya!



sememangnya tiada keinginan untuk menggunakan kondom sama sekali sewaktu melakukan hubungan seksual. Perkara ini adalah agak sukar untuk dibuktikan.

Seterusnya, mereka ini juga merujuk kepada alasan aduan polis yang dilaporkan pada 20 Julai 2019 sebelum ini, yang mana ia telah dibuat bukanlah disebabkan hubungan seksual itu berlaku tanpa kerelaan wanita tersebut, tetapi kerana hubungan seksual itu tidak dilindungi dan selamat.

Sekiranya benar wanita tersebut dijangkiti penyakit kelamin, maka adalah wajar pihak polis menyalut kes tersebut di bawah **Seksyen 269 Kanun Keseksaan** atas kesalahan telah menyebarkan jangkitan penyakit berbahaya kepada nyawa secara tidak sengaja. Namun, walaupun undang-undang Malaysia berkenaan *stealth* masih belum jelas, ia bukanlah alasan untuk pihak polis untuk tidak memulakan siasatan berkenaan isu ini. Adalah tidak wajar untuk terus menyeraikan dan menolak kepada pihak lain hanya kerana kesamaran undang-undang sedia ada.

Tuntasnya, semua pihak sama ada masyarakat, media, pendidik, penguatkuasa undang-undang mahupun pihak berkuasa perlulah berganding bahu dalam meningkatkan lagi kesedaran rakyat Malaysia berkenaan *stealth* agar para mangsa, lelaki mahupun wanita lebih cakna tentang pencabulan kerelaan mereka dan hak untuk menjalani hubungan seksual secara selamat dapat dilindungi.

Malaysia wajar menjadikan Singapura sebagai negara contoh dalam hal ini kerana pada 1 Januari 2020, Singapura telah menjadi negara Asia pertama yang mewartakan *stealth* sebagai satu kesalahan jenayah dengan memasukkan **Seksyen 376H** iaitu mewujudkan *stealth* sebagai satu kesalahan jenayah dalam **Akta Pembaharuan Undang-Undang Jenayah 2019** mereka.